



**PELAKSANAAN STRATEGI PENGAJARAN
KEMAHIRAN BERTUTUR OLEH GURU BAHASA
MELAYU MENERUSI PEMBELAJARAN
BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN**



MISBAH HANIM BINTI ZAKARIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



**PELAKSANAAN STRATEGI PENGAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR OLEH
GURU BAHASA MELAYU MENERUSI PEMBELAJARAN BERSEMUKA DAN
DALAM TALIAN**

MISBAH HANIM BINTI ZAKARIA

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada : 8 SEPTEMBER 2023

i. Perakuan Pelajar

Saya, MISBAH HANIM BINTI ZAKARIA, (M20201000357), FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PELAKSANAAN STRATEGI PENGAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR OLEH GURU BAHASA MELAYU MENERUSI PEMBELAJARAN BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia

Saya, PROF. MADYA DR DAHLIA BINTI JANAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PELAKSANAAN STRATEGI PENGAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR OLEH GURU BAHASA MELAYU MENERUSI PEMBELAJARAN BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH)

8 SEPTEMBER 2023

Tarikh

PROF. MADYA DR DAHLIA JANAN
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
dahlia@fbk.upsi.edu.my

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PELAKSANAAN STRATEGI PENGAJARAN KEMAHIRAN
BERTUTUR OLEH GURU BAHASA MELAYU MENERUSI
PEMBELAJARAN BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN

No. Matrik / Matric's No.: M20201000357

Saya / I : MISBAH HANIM BINTI ZAKARIA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (v) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (v) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF. MADYA DR. DAHLIA JANAH
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
dahlia@tbk.upsi.edu.my

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 8 SEPTEMBER 2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah Ya Rabbal A'lamîn ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan rahmatNya saya dapat menyempurnakan disertasi ini bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Sehubungan itu, banyak cabaran dan keterbatasan yang harus diharungi bagi melengkapkan kajian ini, namun kekurangan dan kekangan ini dilalui dengan sokongan dan dorongan daripada iltizam dan keazaman diri serta dukungan daripada pelbagai pihak yang telah banyak membantu mendorong penulisan kajian ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Professor Madya Dr Dahlia binti Janan selaku penyelia pembimbing saya. Melalui kelembutan dan ketegasan beliau dalam membantu dan membimbing saya dalam proses penulisan disertasi yang bermula sejak penyediaan kertas cadangan sehinggalah selesai penulisan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi sokongan, dorongan, dan bantuan kepada saya untuk menyempurnakan disertasi ini. Dengan itu banyak teknik penulisan yang saya belajar bagi menyempurnakan penyelidikan ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga buat semua profesor dan pensyarah atas tunjuk ajar yang diberikan kepada saya sepanjang pengajian ini. Pada masa yang sama saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memberi peluang dan ruang untuk saya menyambungkan pelajaran ke peringkat Sarjana. Tidak dilupakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dan sekolah-sekolah kajian kerana telah memberikan kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian ini walaupun terpaksa berdepan dengan isu Pandemik negara.

Setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan saya tujukan kepada keluarga tercinta terutama ibunda tersayang Zauwiyah binti Hashim kerana memahami situasi dan tugas ini bersama doa iringan, serta buat kakak saya Umi Nazrah Zakaria, Mohd Zaa'im Zakaria, Zaini Zakaria dan Muhammad Yusri Zakaria kerana tidak jemu-jemu memberi galakkan dalam pengajian ini. Begitu juga ucapan penghargaan dan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi bantuan serta sokongan moral semasa saya berdepan dengan cabaran menyiapkan penulisan ini. Begitu juga tidak dilupakan Pn Normah binti Husin atas segala bantuan dalam menjayakan penulisan ini.

Akhir kalam, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan dan bantuan menyiapkan disertasi ini. Semoga penyelidikan ini dapat menjadi wadah ilmu yang menyumbang untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi dan proses pelaksanaan strategi kemahiran bertutur pengajaran bahasa Melayu secara bersemuka dan dalam talian yang digunakan oleh guru sekolah menengah kebangsaan di negeri Sembilan dan Perlis. Tiga orang guru Bahasa Melayu dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan usia dan pengalaman yang berbeza. Kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan sebagai metodologi kajian. Data kajian dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian melalui rakaman audio PdPc dan PdPr, temu bual serta analisis kandungan. Data ditranskrip, dikenal pasti, dijelaskan, dan dianalisis dengan menggunakan Nvivo10 dan dapatan kajian dilaporkan dalam dua bahagian iaitu pengajaran bersemuka dan dalam talian berdasarkan soalan kajian. Dalam penulisan analisis kajian, penyelidik berpandukan model pengajaran TPACK, Teori *Connectivism* dan Teori Interaksionalisme. Dapatan kajian menunjukkan empat strategi utama dalam kemahiran bertutur iaitu strategi pengajaran berpusatkan murid, strategi pengajaran berpusatkan bahan, strategi pengajaran berpusatkan guru dan strategi pengajaran berpusatkan tugas. Selain itu, dapatan juga menunjukkan empat proses pelaksanaan pengajaran kemahiran bertutur iaitu pemilihan Bahan Bantu Mengajar (BBM), fasa induksi, fasa perkembangan iaitu aktiviti pengajaran dan fasa refleksi. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan kepelbagaian strategi yang digunakan secara bersemuka dan dalam talian yang boleh diaplikasikan oleh guru untuk membantu proses pelaksanaan PdP menjadi lebih baik. Implikasinya kajian ini dapat menjadi panduan pemilihan strategi dan proses pengajaran secara bersemuka dan dalam talian yang lebih berfokus dan bersifat holistik.



MALAY LANGUAGE SPEAKING SKILLS TEACHING STRATEGIES AND THE IMPLEMENTATION PROCESS THROUGH FACE-TO-FACE AND ONLINE LEARNING

ABSTRACT

This study aims to identify the teaching of Malay language speaking skills strategies and its implementation processes through face-to-face and online by national secondary school teachers in Negeri Sembilan and Perlis states. Three Malay teachers were selected as study participants based on their different ages and experiences. A case study that employs qualitative research design was used as the research methodology. Data collection procedures comprises face to face and online classroom observations, interviews and content analysis. Data collected through interviews were transcribed, identified, explained, and analyzed for the emerging patterns using Nvivo10. The findings of the study were reported in two parts, namely face-to-face and online teaching based on the research questions. The TPACK teaching model, Connectivism Theory and Interactionism Theory guided the researcher in writing the analysis. The findings of the study showed four main teaching strategies in the Malay language speaking skills, which are student-centered teaching strategies, material-centered teaching strategies, teacher-centered teaching strategies and task-centered teaching strategies. In addition, the findings also showed four implementation processes of teaching speaking skills, namely the selection of Teaching Aids (TEAs), the induction phase, the development phase which is the teaching activity and the reflection phase. In conclusion, this study showed the diversity of teaching Malay language speaking skills strategies face-to-face and online that can be applied by teachers to guide their teaching and learning process to be better. The results of this study can serve as a guide for the selection of targeted, comprehensive face-to-face and online learning procedures and speaking skills teaching methodologies in the Malay language.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	10
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Soalan Kajian	15
1.6	Definisi Operasional	16
1.6.1	Kemahiran Bertutur	16
1.6.2	Strategi Pengajaran	17
1.6.3	Pengajaran Bersemuka	18
1.6.4	Pengajaran Dalam Talian	19
1.6.5	Pengajaran Mikro	20
1.7	Batasan Kajian	21

1.7.1	Pemilihan Lokasi Kajian	21
1.7.2	Pemilihan Guru	22
1.7.3	Pemilihan Pelantar Pembelajaran Digital	22
1.8	Kepentingan Kajian	23
1.8.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	23
1.8.2	Guru	24
1.8.3	Murid	24
1.9	Rumusan Bab	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Penggunaan Teori Dalam Kajian	27
2.2.1	Teori Interaksionalisme	27
2.2.2	Teori <i>Connectivism</i>	31
2.3	Model Pengajaran dan Pembelajaran	37
2.3.1	Model <i>Technological Pedagogical Content Knowledge</i> (TPACK)	37
2.4	Penggunaan Model TPACK Dalam Kajian	41
2.5	Kemahiran Bertutur	44
2.5.1	Prinsip Kemahiran Bertutur	50
2.6	Strategi Pengajaran Kemahiran Bertutur	56
2.6.1	Jenis Strategi Kemahiran Bertutur	60
2.7	Pengajaran dalam Talian	65
2.7.1	Jenis-jenis Pengajaran dalam Talian	67
2.8	Kajian Penyelidikan Strategi Pengajaran Kemahiran Bertutur Secara Bersemuka dan dalam Talian	70

2.8.1	Kajian Lepas Berkaitan Kemahiran Bertutur	71
2.8.2	Kajian Lepas Strategi Pengajaran Kemahiran Bertutur Bersemuka	75
2.8.3	Kajian Lepas Strategi Pengajaran Kemahiran Bertutur dalam Talian	89
2.9	Rumusan Bab	103

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	104
3.2	Reka bentuk Penyelidikan	105
3.3	Kaedah Kajian Kes	107
3.4	Lokasi Kajian	111
3.5	Tempoh Kajian	112
3.6	Pemilihan Responden Kajian	113
3.7	Instrumen Kajian	116
3.7.1	Senarai Semak Pemerhatian	117
3.7.2	Soalan Temu Bual	119
3.7.3	Analisis Dokumen	120
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	121
3.8.1	Pengumpulan Data Pemerhatian	122
3.8.2	Pengumpulan Data Temu Bual	125
3.8.3	Pengumpulan Data Dokumen	128
3.8.4	Prosedur Pengumpulan Data	129
3.9	Teknik Penganalisisan Data	131
3.9.1	Proses Menganalisis Data	132
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	135

3.11	Rumusan Bab	136
------	-------------	-----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	137
4.2	Latar Belakang Responden	138
4.2.1	Peserta Kajian Guru A	138
4.2.2	Peserta Kajian Guru B	139
4.2.3	Peserta Kajian Guru C	140
4.3	Analisis Data	142
4.3.1	Proses Analisis Data – Nvivo10	143
4.3.2	Dapatan Analisis Persoalan Kajian 1	148
4.3.3	Dapatan Analisis Persoalan Kajian 2	234
4.4	Rumusan Bab	340

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	342
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	343
5.2.1	Apakah Strategi Kemahiran Bertutur Pengajaran Bahasa Melayu Secara Bersemuka dan dalam Talian yang Digunakan oleh Guru Bahasa ?	344
5.2.2	Bagaimanakah Proses Pelaksanaan Strategi Kemahiran Bertutur Pengajaran Bahasa Melayu secara Bersemuka dan dalam Talian Digunakan oleh Guru Sekolah Menengah	348
5.3	Perbincangan	354

5.4	Implikasi Kajian	371
5.4.1	Implikasi Model TPACK	371
5.4.2	Implikasi Teori	373
5.4.3	Implikasi Guru	374
5.4.4	Implikasi KPM	377
5.5	Cadangan Lanjut	378
5.5.1	Cadangan Terhadap Bahagian Berkepentingan	379
5.5.2	Cadangan Kajian Lanjutan	382
5.6	Kesimpulan	384
	RUJUKAN	386
	LAMPIRAN	401

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1. 1	Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4	4
2. 1	Standard Prestasi Tingkatan 4	45
2. 2	Analisis Prinsip Kemahiran Bertutur	54
2. 3	Ringkasan Strategi Kemahiran Bertutur Bukan Dalam Talian	88
2. 4	Ringkasan Strategi Kemahiran Bertutur Dalam Talian	96
3. 1	Jawatan Dan Profil Setiap Peserta	115
3. 2	Jadual Temu Bual Pengajaran Dan Pembelajaran PdPc	124
3. 3	Jadual Rakaman Pengajaran Dan Pembelajaran PdPc	125
4. 1	Profil Peserta Kajian	141
4. 2	Kekerapan Penggunaan Strategi Kemahiran Bertutur Pengajaran Bahasa Melayu Secara Bersemuka dan Dalam Talian	234
4. 3	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Secara Bersemuka	238
4. 4	Proses Pelaksanaan Strategi Kemahiran Bertutur Pengajaran Bahasa Melayu Secara Bersemuka	265
4. 5	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Talian	275
4. 6	Proses Pelaksanaan Strategi Kemahiran Bertutur Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Talian	305
4. 7	Proses Pelaksanaan Strategi Kemahiran Bertutur Pengajaran Bahasa Melayu Secara Bersemuka dan Dalam Talian	313
4.8	Kesan Pelaksanaan Strategi Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Secara Bersemuka	311
4.9	Kesan Pelaksanaan Strategi Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Talian	322





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2. 1 Interaksi dalam persekitaran connectivisme	35
2. 2 Kerangka TPACK dan Komponen pengetahuan	41
2. 3 Kerangka Model Kajian (diubahsuai dari Model TPACK)	44
2. 4 Prinsip Penguasaan Kemahiran Bertutur	52
2. 5 Hubung Kait Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran	63
2. 6 Sumber untuk Mengajar Kemahiran Bertutur Dalam Talian	66
3. 1 Rumusan Reka Bentuk Kajian	111
3. 2 Rumusan Kaedah Pengumpulan Data	121
3. 3 Rumusan Metodologi	134
4. 1 Mengimport Data Mentah ke Nvivo10	144
4. 2 Melebalkan Kod Dalam Nvivo10	145
4. 3 Pra Penentuan Kategori Dalam Nvivo10	146
4. 4 Kemunculan Tema Dalam Nvivo10	147
4. 5 Pembentukan Tema berdasarkan Persoalan Kajian	148
4. 6 Model Tema ke Kod melalui Kategori Aktiviti Kumpulan	151
4. 7 Model Tema ke Kod melalui Kategori Gerak Kerja Murid	155
4. 8 Model Tema ke Kod melalui Kategori Soal Jawab	158
4. 9 Tema, Kategori Perbincangan dan Kod	165
4. 10 Tema, Kategori Permainan dan Kod	168





4. 11	Tema , Kategori Penggunaan Bahan Bercetak dan Kod	172
4. 12	Model Tema ke Kod melalui Kategori Penggunaan Bahan Pengajaran	179
4. 13	Model Tema ke Kod melalui Kategori Pengajaran Mikro	185
4. 14	Model Tema ke Kod melalui Kategori Penggunaan Modul	188
4. 15	Model Tema ke Kod melalui Kategori Pembentangan Tugas	189
4. 16	Model Tema ke Kod melalui Kategori Platform Pengajaran PdPr	194
4. 18	Model Tema ke Kod melalui Kategori Pengajaran Berasaskan Permainan	206
4. 19	Model Tema ke Kod melalui Kategori Penggunaan Slide	209
4. 20	Model Tema ke Kod melalui Kategori Penyoalan Berasaskan Bahan	213
4. 21	Model Tema ke Kod melalui Kategori Pembentangan Kumpulan	219
4. 22	Model Tema ke Kod melalui Kategori Pengajaran Mikro	224
4. 23	Tema Kategori Pengajaran Berasaskan Tugas dan Kod	229
4. 24	Model Tema ke Kod melalui Kategori Tugas Kumpulan	230
4. 25	Strategi Kemahiran Bertutur Pengajaran Bahasa Melayu secara bersemuka dan dalam Talian	232
4. 26	Proses Pelaksanaan Strategi Kemahiran Bertutur Pengajaran Bahasa Melayu Secara Bersemuka dan dalam talian	312



SENARAI SINGKATAN

ABBM	Alat Bahan Bantu Mengajar
ABM	Alat Bantu Mengajar
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BBM	Bahan bantu mengajar
BDR	Bekerja dari Rumah
CEF	Common European Framework of Reference for Language
CK	Pengetahuan Pedagogi
CL	Cooperative Learning (Pembelajaran Koperatif)
CLT	Communicative Language Teaching (Pengajaran Pembelajaran Komunikatif)
CPD	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
CTL	Contextual Teaching and Learning
DELIMa	Digital Educational Learning Initiative Malaysia
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EFL	English Foreign Language
EPiC	Program Pembelajaran Dalam Talian Kemahiran Bahasa Inggeris dalam Perbualan
ICT	Teknologi Informasi dan Komunikasi
IELTS	International English Language Testing System
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IT	Teknologi Maklumat
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LCD	Liquid Crystal Display
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
RP	Role Play (Main Peranan)
MOOC	Massive Open Online Courses
PAK 21	Pembelajaran Abad ke-21
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PCK	Pengetahuan Pedagogi dan Kandungan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PdPr	Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah
PJJ	Pendidikan Jarak Jauh
PK	Pengetahuan Kandungan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PLC	Professional Learning Community
PPBT	Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
RPH	Rekod Pengajaran Harian
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

SK	Standard Kandungan
SK	Strategi Komunikasi
SKPMg	Standard Kualiti Pendidikan Gelombang 2
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Standard Pembelajaran
SP	Standard Prestasi
SP	Kandungan Pelengkap
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRJK	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
ST	Kandungan Tambahan
TBLT	Pembelajaran Berasaskan Tugas
TCK	Pengetahuan Teknologi dan Kandungan
TK	Pengetahuan Teknologi
TOEFL	Test of English as Foreign Language
TPACK	Technological Pedagogical Content Knowledge
TPK	Pengetahuan Pedagogi dan Teknologi
TPS	Think-Pair-Share
UKBM	Ujian Kecekapan Bahasa Melayu
UPBM	Ujian Bertutur
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, definisi operasional, batasan kajian, kepentingan kajian serta rumusan bab. Pengkaji juga menjelaskan perkara asas yang berkaitan tajuk kajian iaitu Pelaksanaan Strategi Pengajaran Kemahiran Bertutur oleh Guru Bahasa Melayu Menerusi Pembelajaran Bersemuka dan Dalam Talian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pemerolehan bahasa ibunda bermula daripada pertuturan. Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), bahasa digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi, menyuarakan perasaan, melahirkan buah fikiran, menyampaikan ilmu, mencipta keindahan melalui kesusasteraan, sama ada secara lisan mahupun tulisan serta kebudayaan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Dalam mempelajari bahasa, kemahiran bertutur memainkan peranan penting bagi membolehkan bahasa dikuasai dengan baik. Begitu juga pengajaran Bahasa Melayu, guru memainkan peranan penting dalam proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah. Guru perlu mahir menggunakan pelbagai strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran terkini supaya interaksi antara murid berjalan lancar. Sehubungan itu, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diperkenalkan untuk menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pelaksanaan KSSM adalah untuk merealisasikan agenda gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan dari aspek pembangunan murid secara holistik. Antara objektif umum KSSM Bahasa Melayu bertujuan membolehkan murid berbicara, berunding, bertutur, bersoal jawab, berbincang, dan menyampaikan maklumat serta mengulas sesuatu perkara dalam pelbagai situasi dengan pengucapan yang fasih, kritis dan bertatasusila. Penerapan kemahiran tersebut membolehkan murid berketerampilan dalam berkomunikasi, penyampaian maklumat, pendapat dan hujah secara kritis kerana kemahiran bertutur merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).



Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan asas kepada kemahiran berbahasa. Kemahiran mendengar merupakan suatu kemahiran yang paling awal muncul berbanding kemahiran-kemahiran yang lain (Peng & Abdul Jalil Othman, 2008). Hal ini kerana kemahiran mendengar dapat mewujudkan suasana komunikasi yang berkesan. Namun kemahiran bertutur tidak boleh diabaikan dalam menyampaikan mesej secara dua hala dan memerlukan strategi yang berkesan terutama dalam proses pengajaran di sekolah. Kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila (KPM, 2018). Penggunaan tatabahasa yang betul amat diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur seperti yang terkandung dalam standard kandungan dan standard pembelajaran melalui Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah (KSSM) perlu dikuasai oleh murid.

Berdasarkan jadual 1.1, penekanan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) merupakan elemen yang perlu diketahui dan dilakukan oleh murid. Aspek kemahiran bertutur diberikan perhatian dalam kajian ini sebagai Standard Prestasi (SP). SK merupakan kenyataan spesifik yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai manakala SP adalah suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaiannya boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Standard Prestasi menjadi keutamaan suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu pamerkan oleh murid sebagai tanda perkara tersebut telah dikuasai (*indicator of success*) terutama kemahiran bertutur.





Jadual 1. 1 :

Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
1.1 Mendengar, mengenal dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta intonasi ayat dalam pelbagai ujaran.	1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan jelas dan betul. 1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul.	- Aspek sebutan dalam pelbagai ujaran perlu dituturkan dengan jelas dan betul.
1.2 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dalam pelbagai ujaran.	1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dengan mengutamakan aspek kejelasan, nada, dan kefasihan dengan betul.	- Kemampuan memberi respons dengan jelas, nada dan kefasihan yang betul.
1.3 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, idea dan hujah dalam pelbagai wacana dan memberikan respons.	1.3.1 Mendengar, menyebut semula dan menyusun fakta serta hujah daripada pelbagai situasi dengan betul, tepat dan bermakna. 1.3.2 Mendengar, menganalisis dan menerangkan maklumat daripada pelbagai wacana dengan betul dan bermakna.	- Kebolehan berhujah dengan fakta yang betul dalam pelbagai situasi
1.4 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal.	1.4.1 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara dalam perbualan santai secara bertatasusila. 1.4.2 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara melalui ceramah, syarahan dan forum dengan yakin secara bertatasusila.	- Memberikan pendapat dalam perbualan secara bertatasusila
1.5 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan.	1.5.1 Mengenal pasti jenis, kesesuaian soalan dan kesesuaian masa untuk mengemukakan soalan terhadap individu atau kelompok secara bertatasusila. 1.5.2 Mendengar dan menilai keseluruhan soalan serta memberikan respons yang betul secara berhemah dan	- Kemampuan bersoal jawab dan keyakinan diri dalam pasaran pekerjaan.

(bersambung)



Jadual 1.1 (*sambungan*)

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
	bertatasusila.	
	1.5.3 Bersoal jawab dalam situasi untuk meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya dengan yakin.	
1.6 Mempersembahkan maklumat secara lisan tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.	1.6.1 Menyampaikan maklumat yang betul dan tepat dalam bentuk pembentangan serta perbahasan dengan jelas dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.	- Berkeupayaan menyatakan pandangan dan pendapat dalam pelbagai penyertaan
1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara	1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.	- Berkeyakinan berbicara dengan idea yang bernas dan rasional dengan bahasa yang santun
	1.7.2 Berunding untuk menyelesaikan masalah secara kritis dan rasional menggunakan bahasa yang santun.	
1.8 Mengulas sesuatu perkara, isu atau topik.	1.8.1 Merumus isu semasa dengan kritis dan bernas secara jelas menggunakan ayat yang betul dan gramatis.	- Berdikari memilih dan menggunakan kemahiran bertutur dengan ayat yang gramatis dan betul dalam pelbagai jenis wacana.
	1.8.2 Mengulas karya dengan menyatakan kekuatan dan kelemahan secara jelas, bernas dan kritis menggunakan ayat yang betul dan gramatis.	

(Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)

D'Andrea dan Daniels (2002), mendapati bahawa standard pelajar di abad ke-21 memerlukan kemahiran baharu yang lebih berdaya saing dalam dunia pendidikan dan juga kehidupan seharian. Justeru, kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah termasuk kemahiran bertutur memerlukan murid menguasai kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi dalam kehidupan seharian bagi melengkapkan diri ke alam kerjaya. Oleh itu, strategi pengajaran guru diperlukan





untuk meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan murid supaya mereka dapat bertutur menggunakan bahasa rasmi dengan baik. Guru-guru harus kreatif dalam melaksanakan kepelbagaian strategi pengajaran bertutur. Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan pelbagai kaedah, teknik dan pendekatan bagi merangsang serta menghasilkan satu pelajaran yang bersepadu dan menyeluruh serta mengelak murid daripada berasa bosan sepanjang proses PdP dijalankan (KPM, 2018).

Strategi pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan perlu tekankan sepanjang proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) agar penggunaan ini memberi kesan terhadap proses pembelajaran dari aspek pedagogi Bahasa Melayu khususnya di sekolah menengah. Konsep strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur adalah melalui pendekatan, kaedah dan teknik (KPM, 2018). Kajian oleh Nurul Izzati Ahmad Radzi el at. iaitu “Strategi Kemahiran Komunikasi Dalam Pengajaran Bahasa Arab”, menunjukkan hubungan antara strategi berpusatkan guru, pelajar dan bahan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dan strategi ini boleh digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Selain itu, guru perlu bertindak secara kreatif dan inovatif bagi menarik minat pelajar untuk berkomunikasi. Oleh itu, pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Melayu juga perlu disusun mengikut garis panduan rancangan yang ditetapkan agar pembelajaran kemahiran bertutur ini menjadi lebih mudah.

Namun, penularan COVID-19 mengakibatkan wujudnya jurang pendidikan antara murid. Pengajaran ini tidak dapat dilaksanakan dan menjejaskan penguasaan kandungan. Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlarutan ini



menjadikan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dilaksanakan bagi memastikan murid-murid dapat mengikuti dan melakukan aktiviti PdP dari rumah. Pendidik juga menggunakan beberapa aplikasi dalam talian sebagai kaedah PdP menggantikan kaedah secara bersemuka (Mohamad Idham Md Razak, 2020). Oleh itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mengalami penjajaran semula bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penjajaran kandungan kurikulum ini memberi penekanan terhadap kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pengajaran sesuatu mata pelajaran yang dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pengajaran. Kandungan Tambahan (ST) dan Kandungan Pelengkap (SP) pula boleh dilaksanakan secara PdPr. Guru boleh memilih urutan SP mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan murid. Guru juga digalakkan mengenal pasti dan menetapkan SP kandungan asas, kandungan tambahan atau kandungan pelengkap mengikut tahap penguasaan murid di sekolah masing-masing. Namun, ST bagi aspek tatabahasa dan seni bahasa diajar secara penggabungjalinan dengan SP kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis mengikut kesesuaian pengajaran dan pembelajaran yang dirancang. Tiada kandungan tambahan dan kandungan pelengkap bagi melaksanakan kemahiran bertutur secara spesifik melalui PdPr dalam talian dilaksanakan (KPM, 2021), walhal kemahiran tersebut amat perlu dititik beratkan.



Pada tanggal 1 April 2020 perubahan platform pengajaran bilik darjah kepada pengajaran secara dalam talian menggunakan *Google Classroom* dilaksanakan supaya pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran (Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin, 2020). Pelaksanaan PdP dalam talian ini memerlukan pelajar membina kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (Fatin Aliah Phang, 2020). Pendidikan di Malaysia mampu mengalami perubahan yang positif dan kini teknologi sebahagian dalam sistem pendidikan. Dalam situasi ini, pelaksanaan pengajaran dalam talian adalah metode pembelajaran yang tepat (Hanifah Salsabila et al., 2020). Penggunaan teknologi pendidikan dapat memudahkan pembelajaran jarak jauh seperti *Google Classroom*, *Google meet*, *Zoom*, *Microsoft Team*, *Skype*, *youtube* *Kahoot* dan sebagainya. Keadaan ini, sejajar dengan perkembangan sistem pendidikan yang mementingkan ciri-ciri dan kemahiran abad ke 21. Guru adalah menyumbang utama kepada kejayaan pelaksanaan sistem pendidikan ini (Rafiza et. al., 2016). Dapatan ini disokong dengan kajian Najmi Syahiran Mamat (2020), bahawa sejak menjalani norma baharu, pendidik menjadi lebih kreatif dalam penggunaan PdPr. Oleh itu, strategi yang terbaik dapat memastikan pendekatan ini berjaya dilaksanakan secara dalam talian terhadap murid sewaktu PKP dilaksanakan (Mohd Rohiman Subri et al., 2021).

Tambahan itu, kesedaran ini mendorong pihak Kementerian Pendidikan untuk memperkasakan sistem pendidikan digital negara dan membolehkan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara hibrid. Perkongsian pengajaran antara sekolah dengan sekolah lain dapat dilaksanakan secara dalam talian. Hal ini termasuklah membantu ketidakhadiran guru ke sekolah atas tugas rasmi melalui perkongsian ilmu antara sekolah menggunakan aplikasi DELIMa atau "*Digital Education Learning Initiative Malaysia*" bagi melaksanakan kelas hibrid (Astro Awani, 2022). Pelaksanaan





projek rintis oleh KPM terhadap 110 buah sekolah di seluruh negara bermula November 2022 bertujuan menggalakkan pembelajaran digital. Justeru, melalui perkongsian pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknologi secara dalam talian dapat menggalakkan perkongsian kaedah yang kreatif dan inovatif antara sekolah (*New Straits Time*, 2022).

Natijahnya, penjajaran semula DSKP terhadap kemahiran bertutur seperti kemahiran-kemahiran lain penting kepada murid-murid. Perubahan dalam format baharu kertas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Bahasa Melayu dengan memasukkan instrumen ujian bertutur kertas 3 (1103/3) bermula pada tahun 2021 dilihat amat penting (iPendidikan, 2020). Begitu juga Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menekankan penilaian kemahiran bertutur. Namun, strategi kemahiran bertutur Bahasa Melayu masih kurang diberi tumpuan berbanding penggunaan kemahiran lain. Dalam kajian Rusdin dan Ali (2019) menyokong dengan menyatakan guru menghadapi kekangan masa dalam penyampaian PdP kerana diganggu oleh pelbagai aktiviti yang perlu dilaksanakan. Pengabaian ini berlaku di dalam bilik darjah walaupun situasi sekarang memerlukan proses pembelajaran maya secara dalam talian.

Hal ini mengukuhkan lagi penyelidik untuk mengetahui strategi kemahiran bertutur meskipun kemahiran ini digabungkan antara kemahiran yang lain. Pengkaji juga turut meneroka strategi yang diaplikasikan guru dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kemahiran bertutur bahasa Melayu di dalam kelas dan dalam talian. Sekiranya guru dapat melaksanakan strategi pengajaran dengan baik maka hasil penyampaian dan objektif pengajaran tercapai.





1.3 Penyataan Masalah

Selari dengan anjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), kemahiran bertutur menjelang 2025 sangat ditekan dalam pendidikan. Semua murid wajib mempraktikkan penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berketrampilan dalam berbahasa dengan fasih menggunakan bahasa Melayu (PPPM, 2018). Namun, kemahiran bertutur dalam kalangan murid sekolah masih sukar untuk mencapai tahap yang memuaskan terutama dari aspek perbendaharaan kata, dan tatabahasa. Keadaan ini timbul apabila murid kurang keyakinan untuk bertutur terutama dalam suasana formal. Permasalahan ini sering kali dikaitkan dengan murid bukan jati dan penutur jati walaupun sudah memasuki peringkat sekolah menengah.



Menurut Nor Zulaiqha Rosli et al. (2021) dalam kajiannya menjelaskan tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu oleh 27 orang murid sekolah cina jelas terdapat kesilapan dalam sebutan bahasa. Hasil tinjauan yang dilakukan menggunakan kaedah kepustakaan dan pemerhatian mendapati terdapat empat kesalahan bunyi konsonan iaitu (i) kesilapan penggantian bunyi, (ii) penambahan bunyi, (iii) pengguguran bunyi dan (iv) kesilapan gramatikal. Kesilapan berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda dan bahasa perantaraan yang mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang lemah. Pengaruh bahasa pertama secara holistik dalam kehidupan mempengaruhi penguasaan bahasa kedua seperti Bahasa Melayu adalah sukar menyebabkan murid keliru dan gagal menguasai Bahasa Melayu. Begitu juga, setiap etnik dan kaum di Malaysia memiliki bahasa yang berbeza dari segi dialek, struktur bahasa dan sebutan menyebabkan Bahasa Melayu baku sukar dikuasai (Zamri et al.



2016). Kesannya, proses komunikasi serta interaksi antara individu dan masyarakat tidak akan terlaksana dengan sempurna (Siti Marpuah, 2017).

Tinjauan juga dilakukan oleh Nora'azian Nahar dan Fadzilah Abd Rahman (2018) terhadap 414 murid bukan penutur natif dari 5 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mendapati 55.7 % murid berada pada tahap kurang fasih, 39.6% pada tahap sederhana dan hanya 4.5% berada pada tahap fasih. Manakala tiada murid yang mencapai tahap paling fasih. Hasil ini jelas menunjukkan tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan murid masih lemah.

Selain itu, punca utama guru mengabaikan kemahiran ini ialah murid tidak suka memberikan pendapat mereka secara lisan kerana penguasaan perbendaharaan kata yang lemah dan kurang keyakinan diri. Begitu juga, kursus-kursus berkaitan dua kemahiran ini jarang dianjurkan oleh KPM (Kementerian diadakan Pelajaran Malaysia), selain mereka menghadapi hambatan peperiksaan. Guru dianggap tidak menghabiskan masa mereka dalam mengajar kemahiran mendengar dan bertutur di dalam kelas dan mereka cenderung untuk lebih menumpukan kepada kemahiran membaca dan menulis. Pada pandangan murid, mereka menghadapi gangguan bahasa ibunda mereka. Hal ini dijelaskan dalam kajian Peng dan Abdul Jalil Othman (2008) terhadap guru dan murid dari 3 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) mendapati pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah berlaku. Jelas di sini, permasalahan kemahiran bertutur bukan sahaja berlaku dalam kalangan murid bukan natif bahkan dalam kalangan murid penutur jati yang kurang dalam penguasaan perbendaharaan kata dan motivasi diri dalam pertuturan.

Hakikatnya, guru perlu memainkan peranan sebagai penggalak dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang produktif. Dengan menggunakan pelbagai strategi pengajaran dapat meningkatkan kemahiran bertutur. Wulandari (2020) menerangkan strategi pengajaran bertutur yang digunakan oleh guru perlu mengikut tahap murid iaitu dari peringkat rendah, menengah dan universiti. Ini kerana strategi pengajaran bertutur adalah bergantung kepada tahap kemampuan murid kerana guru perlu mempertimbangkan keperluan murid, komponen pengucapan seperti nada, tatabahasa, kosa kata, dan kelancaran. Begitu juga, penemuan yang dilakukan oleh Masyitoh Yaacob et al. (2018) menggunakan strategi pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen *Coaching* dan *Mentoring* menunjukkan terdapat penambahbaikan terhadap kemahiran bertutur iaitu berkeyakinan dalam berbahasa dan kecekapan bertutur dalam kalangan murid. Kejayaan ini menunjukkan bahawa strategi ini berpotensi untuk diaplikasikan sebagai strategi kemahiran bertutur dalam pengajaran bahasa.

Kemudian, hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Helmi bin Pangat (2017) mendapati kebanyakan pelajar Cina menggunakan strategi komunikasi bukan lisan berbanding strategi komunikasi lisan. Strategi komunikasi dalam bahasa kedua oleh pelajar Cina sangat dipengaruhi oleh sikap dan motivasi dalam menggunakan Bahasa Melayu melalui mesej terutama sistem bahasa isyarat iaitu mengutamakan pergerakan anggota badan dalam komunikasi. Jadi wajarlah pendedahan pengajaran kemahiran bertutur diberi penekanan menggunakan pelbagai strategi. Hal ini dikatakan demikian kerana pengajaran kemahiran bertutur ini boleh diaplikasikan dalam pendidikan terutama mempelajari Bahasa Melayu dengan menerapkan pelbagai strategi pengajaran kemahiran bertutur oleh guru di dalam bilik darjah.



Semenjak menjalani norma baharu, penyelidik melihat fenomena dalam dunia pendidikan global berkembang mengikut perkembangan teknologi. Hal ini jelas apabila sistem pendidikan luar negara terus mendominasi penggunaan teknologi dalam pendidikan. Tinjauan sistematik oleh Shin, J. L. K et al. (2021) mengenai e-pembelajaran terhadap 32 artikel jurnal teks penuh dari tahun 2016 hingga 2020 menunjukkan 90.9% pengguna mempunyai sikap positif terhadap e-pembelajaran dan 100% kajian lepas mendedahkan bahawa penggunaan e-pembelajaran mempunyai kesan positif dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur. Fenomena ini merupakan satu permulaan negara ke arah pendidikan digital menggunakan teknologi maklumat. Buktinya melalui kajian Nur Hazirah Hairia'an dan Masayu Dzainudin (2020) menyatakan sepanjang tempoh PKP tahap penggunaan aplikasi dalam talian oleh pendidik awal kanak-kanak sebagai kaedah PdP adalah memuaskan, terutamanya dalam penggunaan aplikasi *WhatsApp* sebagai medium alternatif dalam penyampaian PdP. Kajian juga menunjukkan penggunaan teknologi maklumat melalui aplikasi dalam talian merupakan metode pengajaran yang efektif untuk dilaksanakan kerana mudah diakses dan boleh digunakan pada bila-bila masa. Pengetahuan guru juga, meningkat dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian menggunakan kemahiran teknologi ICT dilihat amat menggalakkan. Menurut Fatimah Mustaffa et al. (2020) pensyarah di Institut Perguruan mempunyai pandangan yang positif terhadap pembelajaran dalam talian terutama dari aspek kreativiti yang berada pada tahap interpretasi yang tinggi dan menguasai amalan pengetahuan teknologi. Jelaslah teknologi mampu meningkatkan pedagogi pensyarah dan bahasa yang digunakannya mudah difahami oleh pelajar untuk berkomunikasi.





Kajian Najmi Syahiran Mamat (2020) turut menyokong, sejak menjalani norma baharu, pendidik menjadi lebih kreatif dalam penggunaan PdP. Ini kerana, pendidik memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memastikan proses pembelajaran murid-murid tidak terabai sepanjang tempoh PKP. Sementara itu, Nor Hidayati Mokhtar (2020), berkata pembelajaran dalam talian ini sebenarnya mampu melahirkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Life Long Learning*). Manakala Siti Hajar Taib et al. (2019) mengenal pasti aspek inovasi strategi pengajaran turut digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya di era milenium 4.0. Jelaslah, strategi pengajaran yang pelbagai membantu PdP menjadi lebih menarik dan tidak membosankan pelajar. Kesyediaan guru dari pelbagai aspek teknologi ICT juga memberi peranan penting dalam pelaksanaan strategi pengajaran, di samping memupuk minat murid terhadap pembelajaran bahasa dengan aktiviti sepanjang pengajaran dan pembelajaran. Strategi pengajaran berasaskan teknologi ini perlu digarap dengan baik dan digembleng secara bersistematik dalam pengajaran dan pembelajaran. Walaupun begitu, pembelajaran konvensional bersemuka dalam bilik darjah masih menjadi amalan di sekolah. Pengajaran ini juga dilihat mampu mewujudkan pembelajaran efektif dalam kemahiran bertutur. Sehubungan itu, kajian dijalankan bagi meneroka isu berkaitan strategi pengajaran kemahiran bertutur secara bersemuka dan dalam talian bagi menjawab persoalan kajian. Berdasarkan sorotan kajian yang dijalankan dalam pencarian *mycite* terdapat 37 kajian bertutur, namun demikian kajian-kajian tersebut merujuk kepada penutur natif 9 kajian, bahasa-bahasa lain 28 kajian. Manakala kajian berkaitan dengan strategi umum 2 kajian dan pengajaran kemahiran bertutur 10. Oleh demikian kajian ini mempunyai keperluan untuk dilaksanakan kerana kajian kemahiran bertutur ini lebih kepada penggunaan bahasa lain.





1.4 Objektif Kajian

- 1 Mengenal pasti strategi pengajaran kemahiran bertutur oleh guru Bahasa Melayu menerusi pembelajaran bersemuka dan dalam talian.
- 2 Menganalisis proses pelaksanaan strategi pengajaran kemahiran bertutur oleh guru Bahasa Melayu menerusi pembelajaran bersemuka dan dalam talian.

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian adalah mengenai strategi pengajaran kemahiran bertutur oleh guru Bahasa



Melayu menerusi pembelajaran bersemuka dan dalam talian dijalankan :

1. Apakah strategi pengajaran kemahiran bertutur oleh guru Bahasa Melayu menerusi pembelajaran bersemuka dan dalam talian ?
2. Bagaimanakah proses pelaksanaan strategi pengajaran kemahiran bertutur oleh guru Bahasa Melayu menerusi pembelajaran bersemuka dan dalam talian?





1.6 Definisi Operasional

1.6.1 Kemahiran Bertutur

Mengikut Dokumen Standard Kurikulum terdapat beberapa kemahiran yang perlu dipelajari oleh murid-murid sekolah termasuklah kemahiran bertutur. Kemahiran bertutur ialah keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubung dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila (KPM, 2018) serta mampu menjalin hubungan antara dua hala (Siti Hajar Abdul Aziz, 2011). Komponen kemahiran bertutur seperti pengucapan, tatabahasa, kosa kata, kefasihan dan pemahaman sangat penting dalam memilih strategi untuk mengajar bertutur (Meilyaningsih, 2015).

Hal ini, termasuklah penguasaan dari aspek tatabahasa, perbendaharaan kata, fonologi dan semantik yang perlu dikuasai oleh murid dengan lancar. Jadi kemahiran ini menggunakan kecepatan atau kepandaian dalam melakukan sesuatu setelah mempelajari menggunakan kaedah dan teknik yang betul. Maka, kajian ini menekankan strategi pengajaran kemahiran bertutur apabila rancangan yang disediakan dalam pengajaran menggunakan pelbagai inisiatif, bahan dan aktiviti. Strategi seperti simulasi, main peranan, perbincangan dan lain-lain sebagai interaktif yang memerlukan kemampuan untuk berkomunikasi bagi menyampaikan maklumat secara dua hala. Dalam kajian ini kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan pelajar untuk bertutur menggunakan Bahasa Melayu yang betul dan bertatasusila. Jadi kajian ini dilakukan





bagi melihat keupayaan murid bertutur menggunakan penguasaan dalam pengucapan serta mampu bersoal jawab dengan menggunakan strategi pengajaran kemahiran bertutur dalam pembelajaran bersemuka dan dalam talian oleh guru.

1.6.2 Strategi Pengajaran

Strategi ialah perancangan yang dilakukan dalam aktiviti bagi mencapai sesuatu perkara atau objektif yang diinginkan (Rianingsih, 2015). Hal ini termasuklah kebijaksanaan guru mengurus dan memilih rancangan secara tersusun terutama dalam pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi penentuan dalam pendekatan, kaedah dan teknik. Pemilihan ini adalah untuk mengajar sesuatu kemahiran dengan sistematik mengikut prinsip dan teori pembelajaran yang ditentukan (Shahabuddin hashim et al., 2017).

Porter (2012) juga mendefinisikan strategi sebagai pendekatan unik organisasi dalam mencapai matlamat dan cara penyampaian dilakukan. Jadi, segala aktiviti yang dilakukan adalah berdasarkan kepada rancangan atau pola yang ditentukan dalam memenuhi sesuatu tujuan. Manakala pengajaran mempunyai makna asas sebagai proses memberi maklumat kepada pelajar iaitu semasa melakukan aktiviti pengajaran, guru memindahkan pengetahuan, mesej atau kemahiran kepada pelajar dan pada masa yang sama proses interaktif antara guru dan murid berlaku (Matius Ganna, 2018).

Antara strategi pengajaran yang dilihat oleh penyelidik iaitu strategi pengajaran berpusatkan guru iaitu bersifat tradisional dan memfokuskan guru sebagai tenaga pengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Gill & Kusum, 2017). Kedua strategi pengajaran berpusatkan murid merupakan interaksi dua hala iaitu antara guru dan





murid. Banyak aktiviti dan pendekatan yang digunakan seperti aktiviti berkumpulan, aktiviti permainan, aktiviti simulasi dan sebagainya (Alizah Lambri & Zamri Mahamod, 2019). Ketiga strategi pengajaran berpusatkan bahan merupakan strategi yang digunakan oleh guru lebih menumpukan kepada bahan yang digunakan ketika sesi PdP berlangsung. Jadi, pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran bergantung sepenuhnya kepada peranan bahan yang digunakan oleh guru (Nahar, Safar & Razak, 2020). Akhir sekali, strategi pengajaran berpusatkan tugas berlaku apabila murid terlibat dalam aktiviti atau tugas dengan memberi peluang kepada murid melatih dan mengaplikasikan perkara yang dipelajari. Oleh itu guru perlu menjelaskan tujuan tugas dan murid perlu jelas akan matlamat yang perlu dicapai. Manakala semasa aktiviti, guru sebagai pemantau dan diakhiri dengan refleksi yang disertai dengan semakan guru tentang prestasi sebagai pengukuhan (Mohd Fuad Sam et al., 2017). Oleh itu, dalam kajian ini strategi pengajaran merujuk kepada kebijaksanaan guru untuk memilih pelbagai rancangan pengajaran yang berpusatkan guru, rancangan pengajaran yang berpusatkan murid, rancangan pengajaran yang berpusatkan bahan atau rancangan pengajaran yang berpusatkan tugas yang disusun dengan teratur. Jadi kajian ini dilakukan bagi memastikan setiap perancangan yang dipilih bersesuaian dengan objektif pengajaran untuk memindahkan pengetahuan, mesej dan kemahiran kepada pelajar dapat disampaikan dengan berkesan.

1.6.3 Pengajaran Bersemuka

Pembelajaran bersemuka merupakan proses PdP secara langsung antara guru dengan murid dan pembelajaran ini juga dikenali sebagai pembelajaran konvensional. Menurut





Shahaimi & Khalid (2016), pengajaran tradisional merupakan kaedah pengajaran yang melibatkan guru dan murid dapat bersemuka di suatu tempat yang sama. Pembelajaran ini berlaku sama ada secara sehalu mahupun dua hala iaitu guru menjalankan pengajaran secara bersemuka di dalam bilik darjah dengan melibatkan pelbagai aktiviti. PdP bersemuka juga boleh didefinisikan sebagai pembelajaran bersemuka yang tidak menggunakan atau melibatkan alat teknologi dan penyampaian ilmu berlaku secara bersemuka di dalam kelas (Sloan, 2007). Melalui kajian ini, pengajaran bersemuka merujuk kepada pembelajaran yang dilakukan secara langsung antara pelajar dan guru dalam tempat yang sama. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat pembelajaran bersemuka yang dilakukan di dalam bilik darjah secara terus melibatkan pelbagai strategi melalui pedagogi yang digunakan oleh guru.



1.6.4 Pengajaran Dalam Talian

Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian atau E-Pembelajaran menekankan teknologi dan pedagogi menggunakan internet untuk mengakses bahan pembelajaran dan berinteraksi dengan kandungan, pendidik dan pelajar (Fadzliyah Hashim et al, 2020). PdP ini berlaku sama ada dalam bentuk mod bersemuka dan mod tidak bersemuka yang dilakukan dalam talian antara guru dan murid untuk berkomunikasi (Abdul Jasheer Jayaseelan, 2019). Oleh itu, Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPr) juga dikenali sebagai pembelajaran dalam talian. PdPr ini merupakan pengajaran yang dijalankan dari rumah, di pusat komuniti atau di mana-mana sahaja lokasi yang bersesuaian. PdPr ini boleh dilaksanakan secara dalam talian dengan terancang. Pengajaran secara dalam talian ini berlaku dengan menggunakan capaian internet dan



penggunaan peranti yang membolehkan murid belajar secara maya. Pengajaran secara maya ini menggunakan pelantar pembelajaran seperti *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa). Manakala aplikasi pengajaran bersemuka antara guru dan murid berlaku secara dalam talian melalui persidangan video iaitu *Zoom*, *Skype*, *MS Team*, *Google Hangout*, *Whatsapp*, *Google Meet*, *Google Classroom* dan sebagainya untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Rosninawati Hussin, 2020). Begitu juga PdPr secara dalam talian memerlukan peranti seperti komputer, tablet atau telefon pintar sebagai alat perhubungan antara guru dan murid semasa PdPr berlangsung (KPM, 2020). Dalam kajian ini pengajaran dalam talian merujuk kepada pembelajaran yang menekankan kemahiran pedagogi dan teknologi dengan menggunakan capaian internet dan peranti bagi menghubungkan guru dan murid. Jadi kajian ini melihat pelbagai strategi pengajaran dalam talian yang digunakan oleh guru. Dengan ini, guru perlu merancang terlebih dahulu strategi pengajaran yang digunakan bagi memenuhi aktiviti pembelajaran mengikut keupayaan murid dan kesediaan sumber sedia ada.

1.6.5 Pengajaran Mikro

Menurut Sharifah Alwiah (1986), pengajaran mikro merupakan satu teknik pengajaran untuk meningkatkan kemahiran pengajaran guru dalam aspek-aspek tertentu seperti set induksi atau motivasi, penyoalan, variasi rangsangan, penggunaan papan kapur, alat bantuan mengajar, pengukuhan, penutup dan lain-lain. Selain itu, menurut Mok Soon Sang (2008) pula, pengajaran mikro merujuk kepada suatu teknik pengajaran dalam masa di antara lima hingga lima belas minit untuk mengajar sesuatu kemahiran pelajaran bagi sekumpulan guru pelatih. Secara umumnya, pengajaran mikro

melibatkan proses pengajaran, mengkaji dan membuat refleksi dalam suatu pembelajaran. Pengajaran mikro merupakan teknik pengajaran yang ringkas memakan masa tidak sampai 15 minit untuk merangsang murid, memberi penerangan berkaitan aktiviti, memberi ulasan terhadap aktiviti pembentangan atau peneguhan terhadap pendapat yang diberikan oleh pelajar. Hal ini penting supaya guru dapat menjelaskan konsep atau tema yang hendak disampaikan kepada pelajar lain di samping dapat membetulkan pendapat. Dalam kajian ini, pengajaran mikro ini lebih merujuk kepada strategi pengajaran berpusatkan guru yang melibatkan aktiviti penerangan, ulasan, peneguhan, pengukuhan sesuatu aktiviti. Jadi kajian ini melihat penggunaan pengajaran ini dalam strategi kemahiran bertutur menerusi pembelajaran bersemuka dan dalam talian.

1.7 Batasan Kajian

1.7.1 Pemilihan Lokasi Kajian

Kajian ini melihat strategi pengajaran kemahiran bertutur secara bersemuka dan dalam talian di dua buah sekolah. Pemilihan lokasi kajian dibataskan dengan kaedah kualitatif menggunakan kajian kes *multiple site, single case*. Penyelidik memilih sekolah menengah kebangsaan yang berbeza iaitu sebuah di daerah Kangar, Perlis dan sebuah sekolah di Port Dickson, Negeri Sembilan. Penyelidik melibatkan tiga orang guru Bahasa Melayu yang berpengalaman dalam kajian ini. Bagi menjalankan penyelidikan, aplikasi pengajaran bersemuka dilakukan di dalam bilik darjah, manakala rakaman



pengajaran dalam talian yang dilakukan melalui *Google Meet*, *Webex*, *Google Classroom* diperolehi mengikut tempoh masa PdPr sehingga menjawab soalan kajian.

1.7.2 Pemilihan Guru

Kajian ini hanya dibataskan kepada guru bahasa Melayu tingkatan empat bagi mengelakkan kelas peperiksaan. Pemilihan guru juga tertumpu kepada guru Bahasa Melayu berstatus guru tetap di sekolah menengah kebangsaan digunakan berdasarkan pengalaman guru untuk melihat strategi pengajaran kemahiran bertutur secara bersemuka dan dalam talian.



1.7.3 Pemilihan Pelantar Pembelajaran Digital

Dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan pelantar pembelajaran digital kepada guru dan murid untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Guru dan murid dapat mengakses pautan yang disediakan oleh *Google Classroom* dan *Microsoft* bagi tujuan PdP, buku teks digital, video PdP atas perkongsian kreativiti guru, *Quizizz*, dan sebagainya. Penggunaan ini memberi ruang yang fleksibel kepada guru untuk menjalankan PdP dan membimbing murid (Suraya Roslan, 2020). Dalam kajian ini, pengkaji tidak menghadkan mana-mana pelantar pembelajaran digital yang digunakan. Guru boleh menggunakan pelbagai pelantar atau media sosial dalam talian yang bersesuaian dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Manakala



pengajaran bersemuka dibataskan dalam bilik darjah bagi melihat proses pelaksanaan PdPc.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini mampu memberi kepentingan dan sumbangan kepada mereka yang terlibat dalam pelaksanaan secara langsung atau tidak langsung iaitu :

1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian merupakan satu perubahan atau inovasi dalam pendidikan ke arah merealisasikan transformasi pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Melalui strategi kemahiran bertutur dapat melahirkan rakyat aktif dan menggunakan bahasa pertuturan yang fasih, lancar, kritis, dan bertatasusila dengan baku. Di samping memartabatkan bahasa kebangsaan negara iaitu Bahasa Melayu di persada dunia. Selain itu, sebagai penambahbaikan strategi pengajaran secara bersemuka dan dalam talian yang menjadi kekangan dalam melaksanakan pengajaran kemahiran bertutur seiring dengan matlamat PPPM.

1.8.2 Guru

Penyelidikan ini memberi kesan kepada strategi pengajaran kemahiran bertutur oleh guru Bahasa Melayu. Penyelidikan ini juga memberikan beberapa maklumat bermanfaat dan memahami strategi pengajaran secara bersemuka dan dalam talian. Di samping itu, penyelidikan ini diharap dapat mengetahui proses strategi pengajaran kemahiran bertutur secara bersemuka dan dalam talian yang digunakan oleh guru. Oleh itu, kajian ini memberi manfaat dan pengalaman baharu kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk memahami strategi pengajaran yang selalu digunakan oleh guru dalam proses pengajaran kemahiran bertutur.

1.8.3 Murid

Kajian ini memberi input yang baik kepada proses pemahaman murid terutama pembelajaran kemahiran bertutur yang memerlukan strategi pengajaran bagi pemahaman dan penguasaan bahasa yang fasih, kritis dan bertatasusila. Melalui pengajaran kemahiran bertutur sama ada secara bersemuka dan dalam talian di harap dapat membentuk murid untuk mampu berbicara dan bersoal jawab dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal dan melahirkan murid yang aktif menggunakan kemahiran bertutur dalam pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga menjadikan pembelajaran yang menyeronokkan serta memberi motivasi kepada murid dalam bertutur dengan penggunaan strategi kemahiran bertutur secara berkesan.



1.9 Rumusan Bab

Secara kesimpulannya, bab ini berperanan sebagai tunjang utama kajian. Pengkaji menjelaskan secara terperinci latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan, batasan dan definisi operasional kajian yang dijalankan. Pengkaji menulis berasaskan kajian-kajian lepas dan pandangan pakar yang berkaitan bagi membantu mendapatkan ketepatan setiap hasil penulisan. Bab seterusnya pula, membincangkan lebih lanjut tentang teori pembelajaran, kajian-kajian yang menyokong untuk menguatkan lagi kajian ini.

